

# Bagi mengatasi kemelesetan ekonomi Golongan kecil tidak boleh diberi keistimewaan - PM

**K**UALA LUMPUR 24 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak boleh memberi keistimewaan kepada satu golongan kecil dengan mengorbankan kepentingan dan kesejahteraan hidup majoriti rakyat bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, menyedari hakikat ini, kerajaan memilih kepentingan pekerja dan penganggur dengan mengutamakan peluang pekerjaan menerusi pelabur-pelabur asing ketika berhadapan dengan masalah kemelesetan.

Jika kerajaan tidak dapat memberi kehidupan yang sempurna, katanya, rakyat terpaksa berhijrah dari negara yang maju ini untuk menjadi buruh kasar di negara asing.

"Amatlah menghinakan jikalau rakyat kita terkenal sebagai punca buruh kasar dan kuli bagi negara lain," ujar beliau ketika merasmikan Seminar Pelaburan Negeri Johor di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Perdana Menteri mengingatkan, inilah nasib yang menunggu rakyat negara ini jika kerajaan mengutamakan kepentingan pemodal tempatan dan membelakangkan kepentingan rakyat biasa.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pelaburan asing diperlukan sekarang untuk mengatasi kemungkinan-kemungkinan tersebut.

Mereka dapat membantu mengatasi kesan buruk ekonomi yang meleset dan boleh memulihkan semula prestasi pemodal dan pengusaha tempatan, katanya.

Beliau menjelaskan, bagi mengatasi masalah kemelesetan, kerajaan mempunyai dua

---

Oleh  
**Kamal Zailani**

---

pilihan.

"Kita boleh mengutamakan segolongan kecil pemodal tempatan memulakan perusahaan apabila mereka mampu atau mengutamakan peluang pekerjaan bagi ramai yang menganggur dan berpendapatan rendah dengan menarik pelabur-pelabur asing," katanya.

Berhadapan dengan masalah ini, tambah beliau, kerajaan memilih kepentingan pekerja dan penganggur yang ramai.

Perdana Menteri berpendapat, pelabur tempatan akan berpeluang kemudian apabila ekonomi tumbuh semula dan mereka sekali lagi mendapat modal setelah mengatasi tekanan kewangan akibat kemelesetan.

Menurutnya, jika pelaburan dalam negeri tidak ada dan pelaburan dari luar negeri pula dihalang, kesannya ialah tenaga kerja tidak akan wujud dan pengangguran akan berterusan.

Beliau berkata, jika suasana begini berterusan, ekonomi negara tidak akan pulih dalam jangkamasa yang pendek manakala penderitaan pekerja akan berterusan tahun demi tahun.

Tambah beliau, hutang negara yang dibuat dahulu tidak akan dapat dibayar dan pembangunan negara pula akan terhalang kerana kerajaan tidak memperolehi hasil yang mencukupi.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, keadaan beberapa negara di Asia, Afrika dan Amerika Selatan akan mencerminkan apa yang mungkin berlaku kepada Malaysia jika kerajaan tidak memulihkan ekonomi dengan segera.

Jelas beliau, di negara-negara ini, rakyat menderita kerana kemiskinan dan kadar inflasi yang tidak dapat dikawal.

Paras inflasi di beberapa negara ini, katanya adalah sebanyak 2,000 peratus setahun.

"Harga barang-barang, termasuk makanan, naik setiap hari. Duit tidak mempunyai nilai lagi dan akhirnya rusuhan berlaku sehinggalah menyenangkan pihak asing menghasut rakyat mengganggu ketenteraman negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan di Malaysia tidak seperti di negara-negara tersebut kerana kerajaan berjaya menguruskan ekonomi dengan baik dan cermat.

Tambahnya, peluang pekerjaan diutamakan apabila memberi galakan kepada pelaburan manakala pendapatan negara ditentukan dengan menggalakkan industri berorientasikan eksport.

Pinjaman luar pula, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, dikurangkan melainkan jika ia boleh menolong membangunkan ekonomi dan infrastruktur untuk kepentingan rakyat dan negara.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan sedang menyusun program perindustrian yang lebih agresif dan tersusun dengan mengenalpasti beberapa kelemahan struktur untuk diatasi segera.